

**KEBERKESANAN KAEDAH PEMBELAJARAN DALAM TALIAN
MENGUNAKAN *GOOGLE CLASSROOM* BAGI KURSUS
PENGAJIAN ISLAM, KAJIAN DI POLITEKNIK
SULTAN IDRIS SHAH**

*(EFFECTIVENESS OF ONLINE LEARNING METHODS USING GOOGLE
CLASSROOM FOR ISLAMIC STUDIES COURSES, STUDY AT POLITEKNIK
SULTAN IDRIS SHAH)*

**Noorwati Mohd Dawam, Abu Zarrin Selamat*, Asma' Ibrahim
& Nurul Amalia Ruslan**

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keberkesanan kaedah pembelajaran dalam talian menggunakan Google Classroom bagi kursus Pengajian Islam dalam kalangan pelajar semester dua. Konstruk yang diuji ialah tahap kesediaan, tahap penerimaan pelajar menggunakan Google Classroom dan tahap keberkesanan aplikasi Google Classroom untuk tujuan pembelajaran Pengajian Islam. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi instrumen kajian ini adalah sangat baik iaitu 0.989 di mana kajian rintis telah dijalankan ke atas 31 orang pelajar. Soal selidik dikumpul, disemak dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS) 26 dalam bentuk kekerapan, min, peratusan, dan sisihan piawai. Responden kajian sebenar terdiri daripada 80 orang pelajar semester dua dari dua program yang mengambil kursus Pengajian Islam di Politeknik Sultan Idris Shah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan, penerimaan dan keberkesanan bentuk aplikasi Google Classroom mencatatkan tahap yang tinggi iaitu min 4.41. Kesimpulan kajian menunjukkan pelajar semester dua berpuas hati dan positif dengan penggunaan Google Classroom sebagai platform pembelajaran kursus Pendidikan Islam. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan Google Classroom wajar diberi perhatian dan diteruskan sebagai medium pembelajaran dalam talian bagi membentuk proses pembelajaran kursus Pengajian Islam yang lebih bermakna dan menyeronokkan sejajar dengan lonjakan sembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Tinggi).

Kata kunci: Google Classroom, kesediaan, penerimaan, Pendidikan Islam

Abstract

The aim of this study is to identify the level of effectiveness of using Google Classroom as a tool and platform for online learning among the 2nd year students who are undertaking the Islamic studies course. There are three constructs that are being tested namely the readiness, acceptance, and application of Google Classroom. The study utilizes a descriptive

survey in a quantitative approach by using a questionnaire instrument. A pilot study that was conducted on 31 students showed the Cronbach's alpha reliability score was 0.989. The questionnaire was collected, reviewed, and analyzed using the Statistical Package of Social Science (SPSS) v21 in the form of frequency, mean, percentage, and standard deviation. The respondents were 80-second semester students who took the Islamic studies course from two programmes at a polytechnic in Selangor. The findings indicated that the level of acceptance, readiness, and Google Classroom's application were at a high level which is min 4.41. In a conclusion, the second-semester students were satisfied and showed a highly positive attitude while using Google Classroom as an online learning platform. The implications of this study reveal that the usage of Google Classroom among students should be emphasized and further used as a medium of online learning or platform. This is to ensure a meaningful and less threatening learning experience or process for the students, especially for the Islamic studies course. This is also in line with the ninth shift of Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education) in which to globalized online learning.

Keywords: *Google Classroom, readiness, acceptance, Islamic studies.*

PENGENALAN

Pelaksanaan kursus Pengajian Islam merupakan usaha berterusan yang dilakukan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar politeknik. Kursus Pengajian Islam di politeknik bermatlamat melahirkan warganegara yang faham tasawur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi cabaran. Perbincangan berkaitan kursus Pengajian Islam berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa (MPU23012 Pengajian Islam 2016).

Pembelajaran berunsurkan multimedia dan teknologi boleh memberi kesan kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar kerana gabungan elemen teknologi yang menarik perhatian seperti audio, visual, grafik, animasi dan sebagainya. Namun begitu, proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) turut bergantung kepada usaha dan amalan pensyarah selaku pelaksana dasar-dasar pendidikan dalam merealisasikan pembelajaran yang berkesan terutama cabaran mengajar menggunakan unsur multimedia (Maimun Aqsha et al. 2017).

Google Classroom merupakan aplikasi pembelajaran percuma yang dibangunkan oleh pihak Google untuk kegunaan sistem pendidikan sejak tahun 2014 bagi memudahkan para pendidik merancang, melaksana dan menaksir tugas ataupun hasil kerja murid secara pendekatan *paperless*, di samping menggalakkan proses perkongsian bahan-bahan pembelajaran antara pelajar dan pensyarah dengan membentuk komuniti persekitaran pembelajaran atas talian (Andri 2016; Ken, Chris & Gay 2016; Joko & Kartono 2019; Sambit 2020, M. Kaviza 2020). Platform *Google Classroom* menggabungkan aplikasi-aplikasi dalam google itu sendiri seperti *Google Drive, Google Docs, Google Sheets, Google Slide, Google Calendar, Gmail* dan sebagainya. Kesemua aplikasi google ini berfungsi sebagai alat perkongsian bahan, papan pembelajaran interaktif, penyimpanan data serta penyediaan latihan pengukuhan (Ahmad Fakruddin Mohamad Yusof et al. 2019; Muhamad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah 2019; M. Kaviza 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) Mengetahui pasti kesediaan pelajar terhadap penggunaan *google classroom* bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik Sultan Idris Shah.
- (b) Mengetahui pasti penerimaan pelajar terhadap penggunaan *google classroom* bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik Sultan Idris Shah.

- (c) Mengenal pasti keberkesanan bentuk aplikasi terhadap pelajar dalam penggunaan *google classroom* bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik Sultan Idris Shah.

PERNYATAAN MASALAH

Aplikasi *Google Classroom* didapati berpotensi digunakan dalam proses pembelajaran dan pemudah cara yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu (Nurfayanti & Nurbaeti 2019; M. Kaviza 2020), namun terdapat satu keperluan untuk menentukan tahap kesediaan pelajar masa kini dalam persekitaran pembelajaran berteraskan internet, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran maya. Hal ini kerana aspek kesediaan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan manfaat suatu kecanggihan teknologi yang diperkenalkan, keberkesanan pelaksanaan suatu proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang bermakna serta tahap keterlibatan pelajar dan cara bagaimana untuk belajar (Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah 2016; Mohd Saiful Anuar Yusoff et al. 2019; M. Kaviza 2020). Situasi dunia pembelajaran berubah pada tahun ini, disebabkan penularan pandemik Covid-19 yang telah menggegarkan dunia pada Disember 2019. Era pembelajaran berfokuskan pembelajaran di atas talian, merupakan medium pembelajaran yang sesuai dengan situasi yang berlaku kini. Persoalannya, adakah pembelajaran di atas talian ini, memberi kesan kepada penyampaian dan penerimaan pelajar di Politeknik Sultan Idris Shah. Oleh yang demikian, kajian perlu dilakukan bagi melihat keberkesanan pembelajaran yang berfokuskan penggunaan *Google Classroom*.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Ajzan (2002) istilah kesediaan merujuk kepada bagaimana keadaan seseorang untuk menerima tindakan atau tingkah laku. Oleh itu, aspek kesediaan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan manfaat suatu kecanggihan teknologi yang diperkenalkan, pemudahcara yang bermakna, tahap keberkesanan pelaksanaan suatu proses pembelajaran serta tahap keterlibatan murid untuk belajar dan bagaimana cara untuk belajar (Muhammad Saiful Anuar Yusoff et al. 2019; Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah 2016). Banyak kajian telah dijalankan terhadap kesediaan pelajar bagi penggunaan e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) tetapi tidak banyak kajian yang mengkhususkan kepada tahap pengetahuan dan kesediaan dalam kalangan pelajar politeknik. Antaranya ialah kajian M. Kaviza (2020) mengenai tahap kesediaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran subjek Sejarah mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Namun, menerusi kajian yang dilakukan oleh Nor Zanira Abdul Manan & Hafizul Fahri Hanafi (2019) menyatakan bahawa tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan *Google Classroom* dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah berada pada tahap tinggi.

Selain itu, penggunaan *Google Classroom* sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PDP) mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan mahasiswa dan dijadikan sebagai medium PDP bagi mata pelajaran Psikologi Pembelajaran Matematik dan juga mata pelajaran yang lain apabila indikator penerimaan kemudahan *Google Classroom* mencatatkan pelajar bersetuju 77.66% dan tidak setuju adalah 24.78%. (Rini Utami 2019). Menurut Norhapizah et al. (2016) pembelajaran berasaskan *blended learning* dalam pembelajaran Kursus TITAS di UiTM mendapat penerimaan baik oleh pelajar. Pelajar lebih mudah menguasai pembelajaran dan bertambah minat di samping dapat meningkatkan kompetensi kemahiran para pelajar. Tahap pengetahuan yang tinggi serta sifat yang positif daripada pelajar menunjukkan penerimaan pelajar dalam menggunakan e-learning dan boleh membantu dalam meningkatkan pembelajaran pelajar (Noraffandy Yahaya & Ling Ning Ning 2011). Oleh hal yang demikian, faktor penerimaan adalah penting untuk menentukan keberkesanan sesuatu pembelajaran dalam talian dapat diaplikasikan dengan baik.

Gabungan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) memberi kesan yang efektif dan berhasil dalam menyampaikan pembelajaran serta membantu pelajar untuk mendapat markah yang lebih baik. Ini terbukti dalam kajian Nor Zanira Abdul Manan & Hafizul

Fahri Hanafi (2019), yang menunjukkan bahawa penggunaan *Google Classroom* dalam mata pelajaran Pendidikan Islam memberi respons yang positif terhadap pelajar. Pencapaian akademik murid juga meningkat secara signifikan akibat penggunaan *Google Plus* dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran berbanding sebelum menggunakan aplikasi ini (Musrifah Sarjoni & Jamaludin 2015) Selain itu, Mohd Norhadi dan Zurinah (2017), juga bersetuju bahawa kesan pada pembelajaran akan lebih menarik dan produktif dengan adanya gabungan media teknologi dalam proses PDP. Sementara itu dalam kajian Han Chin Liu & Hsueh-Hua Chuang (2016) mendapati bahawa penggunaan *Google Classroom* dapat meningkatkan kemahiran menguasai bahasa dari aspek menulis dan membaca dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Taiwan.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 80 orang pelajar sebagai sampel mewakili 90 orang populasi. Responden kajian yang terdiri daripada 14 orang pelajar lelaki dan 66 orang pelajar perempuan ini dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah dari Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS). Jumlah sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah bertepatan dengan saiz penentuan sampel kajian yang diperlukan (Krejcie & Morgan 1970). Soal selidik yang diadaptasi telah disahkan kesahan kandungan serta konstruksinya oleh pakar penilai dalam bidang Pendidikan Islam merupakan instrumen kajian ini. Nilai *Cronbach Alpha* iaitu 0.98 bagi soal selidik telah menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima dalam kajian ini (Azizi 2006). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif untuk menentukan tahap min dan sisihan piawai menggunakan perisian SPSS versi 26. Interpretasi tahap kesediaan dalam kajian ini ditentukan melalui interpretasi tahap yang diberikan oleh Jamil Ahmad (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Interpretasi tahap kesediaan dalam kajian ini ditentukan melalui interpretasi tahap yang diberikan oleh Jamil Ahmad (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1. Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad (2002)

DAPATAN KAJIAN

Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* Bagi Kursus Pengajian Islam

Berdasarkan Jadual 2, tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* ($M=4.38$, $SD=0.76$) berada pada tahap tinggi. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan pelajar PSIS terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran kursus Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 2. Kesediaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi *Google Classroom*

Konstruk	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Kesediaan	80	4.38	0.76	Tinggi

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Bagi Kursus Pengajian Islam

Berdasarkan Jadual 3, tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* ($M=4.51$, $SD=0.65$) berada pada tahap tinggi. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap penerimaan pelajar PSIS terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran kursus Pendidikan Islam mencatatkan pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 3. Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi *Google Classroom*

Konstruk	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Penerimaan	80	4.51	0.65	Tinggi

Tahap Keberkesanan Bentuk Aplikasi terhadap pelajar dalam Penggunaan Google Classroom Bagi Kursus Pengajian Islam

Berdasarkan Jadual 4, tahap keberkesanan bentuk aplikasi terhadap pelajar dalam penggunaan *Google Classroom* ($M=4.48$, $SD=0.64$) berada pada tahap tinggi. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap keberkesanan bentuk aplikasi terhadap pelajar dalam penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran kursus Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar PSIS berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 4. Keberkesanan Aplikasi Terhadap Pelajar dalam Penggunaan Aplikasi *Google Classroom*

Konstruk	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Bentuk Aplikasi	80	4.48	0.64	Tinggi

PERBINCANGAN

Kajian ini secara umumnya untuk melihat sejauh manakah tahap kesediaan, penerimaan dan bentuk aplikasi pelajar PSIS terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam kursus Pendidikan Islam. Setelah data kajian di rekod dan dianalisis, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar PSIS bersikap positif dan berpuas hati terhadap penggunaan *Google Classroom* sebagai alat pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Nor Zanira Abdul Manan dan Hafizul Fahri Hanafi (2019), kajian Jeya dan Brandford (2018) dan kajian Haggag (2019) yang telah menyatakan bahawa tahap kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran kursus Pendidikan Islam, Pendidikan tinggi dan Bahasa Inggeris mencatatkan tahap tinggi. Selain itu dapatan kajian ini disokong oleh kajian Roslaili dan Wan Zamani (2015) kesediaan pelajar untuk menerima e-pembelajaran diuji dengan soal selidik TPACK untuk mengukur *Technology Knowledge* (TK), *Content Knowledge* (CK) dan *Technological Pedagogical Knowledge* (TPK). Untuk hasil keseluruhan pada TK, keputusan menunjukkan bahawa pelajar bersedia untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, dengan 63% daripada pelajar yang menjawab bahawa mereka boleh mempelajari teknologi yang mudah; seterusnya pelajar dapat membiasakan diri dengan teknologi dan e-pembelajaran dapat dilaksanakan dengan mudah kerana pelajar berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengendalikan teknologi.

Selain itu, dapatan ini juga disokong oleh satu kajian lain yang bertajuk Analisa Penerimaan dan Penggunaan Teknologi *Google Classroom* Dengan *Technology Acceptance Model* (TAM). Menurut Indah dan Nurfia (2020), 87% mahasiswa menunjukkan minat yang tinggi terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam sistem pembelajaran e-learning, pemikiran yang positif dalam

penggunaan *Google Classroom* mendorong kepada mahasiswa aktif menjalani pembelajaran dalam talian manakala 86.39% mahasiswa memiliki motivasi untuk tetap menggunakan seterusnya memotivasikan orang lain untuk turut sama menggunakan teknologi *Google Classroom*. Ini adalah selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap penerimaan pelajar menggunakan *Google classroom* dalam kursus Pendidikan Islam mencatatkan tahap yang tinggi.

Aplikasi *Google Classroom* terdiri daripada elemen yang interaktif, inovatif, kreatif, mesra pengguna, mudah digunakan dan senang diakses. Ini selari dengan pendapat oleh Normahdiah (2010), penggunaan unsur yang kompleks dan tidak mesra pengguna perlu dielakkan untuk memastikan sesebuah aplikasi dapat dimanfaatkan dengan baik. Memang tidak dapat dinafikan, penggunaan aplikasi pengajaran dan pembelajaran multimedia yang bersifat interaktif dan mesra pengguna adalah sangat penting kerana sesebuah aplikasi yang tidak mesra pengguna, sukar diakses dan tidak interaktif akan menyebabkan pelajar tidak berminat menggunakannya (Ahmad Fkrudin et al. 2014). Di samping itu, kajian ini turut disokong oleh Rini Utami (2019) menyatakan bahawa pembelajaran *Google Classroom* mendapatkan pandangan yang baik dari mahasiswa. Ini adalah kerana mereka lebih mudah untuk belajar disebabkan senang untuk diakses *Google Classroom* walau di mana saja, sehingga mahasiswa menunjukkan tahap motivasi yang tinggi untuk menguasai kursus Psikologi Pembelajaran Matematik. Sehubungan dengan itu, dapatan ini menyokong kajian ini yang menunjukkan bentuk aplikasi terhadap pelajar dalam penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran kursus pendidikan dalam kalangan murid berada pada tahap tinggi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini mencatatkan bahawa tahap kesediaan, penerimaan dan keberkesanan bentuk aplikasi pelajar PSIS terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran dalam kursus Pengajian Islam berada pada tahap tinggi. Sehubungan dengan itu, aplikasi *Google Classroom* ini wajar diteruskan dan dipraktikkan oleh pensyarah Pendidikan Islam dalam kursus-kursus lain lagi. Ini adalah satu usaha padu dan jitu dalam kalangan pelajar dan pensyarah untuk mengintegrasikan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dengan lebih meluas dan berkesan bagi membentuk proses pembelajaran kursus Pengajian Islam yang lebih bermakna dan menyeronokkan sejajar dengan lonjakan sembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu memanfaatkan pembelajaran dalam talian tahap Global(KPM 2015).

RUJUKAN

- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah & Wan Norina Wan Hamat. 2014. Pembangunan Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia Interaktif pengurusan Jenazah Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 2(2): 11-25.
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norma Wan Hamat & Nor Khayati Basir. 2019. Penggunaan aplikasi 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus mata pelajaran umum (MPU) di Politeknik. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(5): 1-13.
- Ajzen. 2002. Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology* 32(4):665-683.
- Andri, W. 2016. Analysis of factors affecting the use of google classroom to support lectures. Kertas kerja yang dibentangkan di 5th International Conference on Information Technology and Engineering Application Palembang-Indonesia, 19-20 Februari 2016.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Haggag, M.H. 2019. Using Google Classroom in enhancing communicative grammar use and attitudes of non-english specialized post graduates. *European Scientific Journal* 15(1): 261-281.
- Han-Chin Liu and Hsueh-Hua Chuang. 2016. Integrating Google Classroom to Teach Writing in Taiwan. *Minnesota eLearning Summit*.
- Indah Purwandani, Nurfia Oktaviani Syamsiah. 2020. Fakultas Teknik dan Informatika, Universitas Bina Sarana Informatika, Indonesia Analisa Penerimaan dan Penggunaan Teknologi *Google*

- Classroom Dengan Technology Acceptance Model (TAM). Jurnal Riset Teknologi dan Inovasi Pendidikan (JARTIKA)* 3(2): 247-255.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeya, A.K & Brandford, B. 2019. Google Classroom for mobile learning in higher education: modeling the initial peceptions of students. *Education and Information Technologies*: 1-25.
- Joko, S., & Kartono, Z.M. 2019. Analysis metacognition and communication mathematics in blended learning use google classroom. *Unnes Journal of Mathematics Education Research* 8(1): 72-83.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.
- Ken, E, Chris, G & Guy, S. 2016. Google Classromm: The nuts and bolts of getting your strated. *FD Newletter* 21(1): 2-21.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. 1970. *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota
- M. Kaviza. 2020. Kesediaan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)* 5(4): 108-115.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan, Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 1-13.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin. 2019. Sikap dan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Jepun di Universiti Utara Purta Malaysia. *Jurnal Linguistik* 23(1): 51-57.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Shahrizal Mahpol & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. 2019. Kesediaan Pelajar Terhadap Aplikasi Kahoot! Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *INSANLAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities* 2(2): 35-50.
- Musrifah Sarjoni dan Jamaludin. 2015. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tahun Enam Berbantuan Web 2.0. Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MPU23012 Pengajian Islam. 2016. Curriculum Information Document Online System. url: <http://www.cidos.edu.my/>
- Noorhadi, M., & Zurinah. 2017. Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Salam Pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 1-10.
- Noraffandy Yahaya & Ling Ming Ming. 2011. Kesediaan Penggunaan e-Learning di Kalangan Pelajar Tahun Kedua Kursus Sarjana Muda Sains Komputer Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Journal Education Social Science* 1:121-140.
- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah. 2016. Hubungan Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berasaskan Blended Learning Berdasarkan Jantina dan Program. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 4(2): 1-9.
- Norhapizah Mohd Burhan, Ab Halim Tamuri & Norazah Mohd Nordin. 2016. Penerimaan Modul Pembelajaran Digital Berasaskan Strategi Blended Learning Dalam Kursus TITAS. *The Online Journal of Islamic Education* 4(1): 1-16.
- Normahdiah Sheik Said. 2010. *Multimedia Integrasi Reka Bentuk Berpusat Pengguna*. Serdang: Penerbit UPM.
- Nor Zanira Abdul Manan & Hafizul Fahri Hanafi. 2019. Google Classroom: Students Acceptance Using UTAUT model. *JAPPA Journal: Journal of Applied Art* 1(1): 64-74.
- Nirfayanti & Nurbaeti. 2019. Pengaruh media pembelajaran Google Classroom dalam pembelajaran analisis real terhadap motivasi belajar mahasiswa. *Jurnal Penelitian Matematika dan Pendidikan Matematika* 2(1): 50-59.
- Roslaili Anuar & Wan Zamani Wan Zakaria. 2015. TPACK Dalam Pendidikan Seni Visual: Satu Kajian Mengenai Kesediaan Pelajar Menggunakan E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 3: 8-18.

- Rini Utamia. 2019. Analisis Respon Mahasiswa terhadap Penggunaan Google Classroom Pada Mata Kuliah Psikologi Pembelajaran Matematika, Universitas Pekalongan. *Prosiding Seminar Nasional Matematika (PRISMA)* 2: 498-502.
- Sambit, D. 2020. Google classroom as learning management system of teach Biochemistry in a medical school. *Biochemistry and molecular Biology Education* 1.4.

Noorwati Mohd Dawam
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Idris Shah
Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar
Selangor Darul Ehsan
E-mel: noorwati.dawam@psis.edu.my

Abu Zarrin Selamat (PhD)*
Jabatan Pengajian Moral
Sivik dan Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
E-mel: zarrin@fsk.upsi.edu.my

Asma' Ibrahim
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Idris Shah
Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar
Selangor Darul Ehsan
E-mel: asma_ibrahim@psis.edu.my

Nurul Amalia Ruslan
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Idris Shah
Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar
Selangor Darul Ehsan
E-mel: NurulAmalia@psis.edu.my

* *Correspondent author*

Diserahkan: 25 Jun 2021
Diterima: 14 November 2021
Diterbitkan: 15 Disember 2021